



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
5 DISEMBER 2019 (KHAMIS)

AKHBAR

MUKA SURAT

Berita Harian

Longgok sampah tepi sungai	50
----------------------------	----



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
5 DISEMBER 2019 (KHAMIS)

Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Longgok sampah tepi sungai
Muka Surat	50

Sentral *ef 5/12/19 ms ss* C/MN KHAMIS, 5 DISEMBER 2019 BH

Longgok sampah tepi sungai

Pembuangan kayu, plastik, kertas, sisa binaan, getah punca pencemaran

Oleh Mohd Amin Jalil
bhnews@bh.com.my

Seremban: Kerajaan negeri mahu siasatan menyeluruh dilakukan selepas pihak berkuasa menggesa perbuatan tidak bertanggungjawab membuat sampah di kawasan sungai berhampiran Kampung Abdullah Mantin, di sini.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan negeri, S Veerapan, berkata pihaknya juga sudah menggarahkan Jabatan Alam Sekitar (JAS) serta meminta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) untuk mengambil tindakan lanjut, termasuk dari segi undang-undang.

Katanya, pemeriksaan di lokasi terbabit menemui longgokan sampah yang antara lain terdiri daripada kayu, plastik, kertas, sisa binaan dan getah.

Beliau berkata, sampah yang mengotori air sungai berkenaan dibimbangi boleh menyebabkan pencemaran, sekali gus menjaskan kesihatan penduduk sekitar, terutama di kawasan perkampungan itu.

"Sampah yang mengandungi bahan kimia boleh mengakibatkan pencemaran, malah banyak kayu mudah terbakar turut dibuang di sini.

Kita juga berjaya menahan sebuah lori yang membawa sampah dan sisa pepejal ke lokasi ini," katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Penolong Pengarah JAS negeri, S Sivanathiran, dan anggota penguat

Verapan (dua dari kiri) melihat longgokan sampah haram yang dibuang pihak tidak bertanggungjawab berhampiran sungai di Kampung Abdullah Mantin.

(Foto Mohd Amin Jalil/BH)

kuala SWCorp.

Difahamkan, pihak membuat sampah di kawasan terbabit menggunakan laluan tersorok di keliling semak serta terletak kira-kira 800 meter dari jalan besar, dan perbuatan itu dipercayai berlaku sejak awal tahun ini.

Mengulas lanjut, Veerapan berkata, hasil siasatan awal turut mendapati berlaku kegiatan mengorek tanah di kawasan berhampiran dipercayai untuk menanam sampah berkenaan.

Beliau berkata, pihaknya akan menggarahkan pihak terbabit membersihkan kawasan berkenaan dengan segera.

"Kita akan memastikan mereka yang melakukan kegiatan ini membersihkan semula kawasan kerana kita percaya tanah ini adalah milik kerajaan berikut berhampiran sungai," katanya.

Sementara itu, Sivanathiran pula berkata, pihaknya sudah mengambil beberapa sampel sampah dan cecair di kawasan pembuangan serta air sungai untuk dianalisis di makmal.

Lori yang dipercayai cuba membuang sampah haram ditahan di Mantin.



